

# SUKATAN PEPERIKSAAN BAHASA MALAYSIA

## Peperiksaan Bersama (Bahagian Menengah Tinggi)

### Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

#### I Deskripsi Peperiksaan

Kertas Bahasa Malaysia Peperiksaan Bersama Peringkat Menengah Tinggi ini merupakan satu pentaksiran tahap pencapaian calon-calon dalam aspek kemahiran dan pengetahuan bahasa. Peperiksaan ini juga merupakan rujukan pihak sekolah untuk meneliti keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Keputusan peperiksaan ini turut digunakan sebagai kayu ukur untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi atau menceburi bidang kerjaya.

#### II Objektif Peperiksaan

1. Penulisan
  - 1.1 dapat menghasilkan karangan dan rumusan mengikut format dan kehendak soalan
  - 1.2 dapat mengumpul, memilih, membina, serta menyusun idea-idea atau isi-isi, pendapat, pengalaman, dan sebagainya dengan berkesan
  - 1.3 dapat mengemukakan isi-isi yang bernas, positif, dan matang
  - 1.4 dapat menggunakan/ membina pelbagai jenis ayat yang gramatis
  - 1.5 dapat menterjemahkan petikan bahasa Cina moden kepada bahasa Malaysia
2. Kefahaman
  - 2.1 dapat memperoleh dan mengumpul maklumat daripada petikan
  - 2.2 dapat menghuraikan maksud perkataan, rangkai kata, ungkapan, dan peribahasa yang bersesuaian dengan konteks penggunaannya dalam petikan
  - 2.3 dapat memahami unsur-unsur sastera dalam petikan
  - 2.4 dapat mengemukakan pendapat secara kreatif dan kritis, membuat kesimpulan dan telahan/ andaian/ jangkaan
3. Pengetahuan Bahasa
  - 3.1 dapat mengetahui/ memahami/ menguasai morfologi bahasa Malaysia
  - 3.2 dapat mengetahui/ memahami/ menguasai sintaksis bahasa Malaysia

#### III Struktur Kertas Peperiksaan

Mata pelajaran ini terdiri daripada dua kertas:

Kertas 1 (100 markah)	.....	Masa yang diperuntukkan: 1 jam 50 minit
Kertas 2 (100 markah)	.....	Masa yang diperuntukkan: 1 jam 50 minit

##### **Kertas 1 (100 markah)**

Kertas ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Calon diwajibkan menjawab SEMUA bahagian.

##### **Bahagian A : Karangan (80 markah)**

1. Calon dikehendaki menulis sebuah karangan.
2. Sebanyak lima tajuk karangan disediakan.
3. Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

##### **Bahagian B : Penterjemahan (20 markah)**

1. Calon dikehendaki menterjemahkan petikan bahasa Cina kepada bahasa Malaysia.
2. Satu petikan bahasa Cina moden diberikan.
3. Petikan panjangnya antara 60 hingga 75 patah perkataan.

## **Kertas 2 (100 markah)**

Kertas ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Calon diwajibkan menjawab SEMUA bahagian.

### **Bahagian A : Rumusan (30 markah)**

1. Calon dikehendaki menulis satu rumusan berdasarkan petikan yang diberikan.
2. Panjangnya petikan ialah kira-kira 350 patah perkataan.
3. Rumusan hendaklah ditulis mengikut urutan dalam empat perenggan, iaitu perenggan pendahuluan, perenggan isi tersurat, perenggan isi tersirat, dan perenggan penutup.
4. Rumusan hendaklah ditulis dengan menggunakan 120 patah perkataan.

### **Bahagian B : Kefahaman (40 markah)**

Bahagian ini terdiri daripada dua soalan:

Soalan 1: Kefahaman Petikan Bebas (20 markah)

Soalan 2: Kefahaman Prosa Tradisional/ Prosa Moden/ Puisi Tradisional/ Puisi Moden (20 markah)

Calon diwajibkan menjawab SEMUA soalan.

#### **Soalan 1: Kefahaman Petikan Bebas (20 markah)**

1. Satu petikan bebas yang panjangnya kira-kira 350-400 patah perkataan diberikan.
2. Lima soalan kefahaman dikemukakan.
3. Soalan merangkumi maksud perkataan, rangkai kata, kefahaman petikan, dan soalan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK).
4. Semua soalan kefahaman perlu dijawab dengan menggunakan ayat sendiri . Ayat mestilah lengkap dan gramatis.

#### **Soalan 2: Kefahaman Prosa Tradisional/ Prosa Moden/ Puisi Tradisional/ Puisi Moden (20 markah)**

1. Satu petikan prosa tradisional atau prosa moden yang panjangnya tidak melebihi 350 patah perkataan diberikan (Puisi tradisional atau puisi moden dikecualikan) .
2. Lima soalan kefahaman dikemukakan.
3. Soalan merangkumi maksud perkataan, rangkai kata, kefahaman petikan, dan soalan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK).
4. Semua soalan kefahaman perlu dijawab dengan menggunakan ayat sendiri . Ayat mestilah lengkap dan gramatis.

### **Bahagian C : Morfologi dan Sintaksis (30 markah)**

Bahagian ini terdiri daripada tiga soalan:

Soalan 1: Membina Ayat (10 markah)

Soalan 2: Pelbagai Jenis Ayat (10 markah)

Soalan 3: Analisis Ayat (10 markah)

Calon diwajibkan menjawab SEMUA soalan.

#### **Soalan 1: Membina Ayat (10 markah)**

1. Calon dikehendaki membina ayat dengan menggunakan lima perkataan atau rangkai kata yang disediakan.
2. Calon dikehendaki membina ayat yang menunjukkan bahawa mereka faham akan maksud penggunaannya.

#### **Soalan 2: Pelbagai Jenis Ayat (10 markah)**

Calon dikehendaki menjawab lima ‘soalan’ menguji pengetahuan dan kemahiran sintaksis.

#### **Soalan 3: Analisis Ayat (10 markah)**

Calon dikehendaki menjawab lima ‘soalan’ menguji pengetahuan dan kemahiran morfologi atau sintaksis.

## IV Cakupan Soalan

Bahagian	Cakupan
1. Karangan	<p>1.1 Jenis karangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1.1 karangan jenis cerita (naratif)</li> <li>1.1.2 karangan jenis gambaran/ keperihalan</li> <li>1.1.3 karangan jenis peribahasa/ cogan kata</li> <li>1.1.4 karangan jenis penerangan/ fakta</li> <li>1.1.5 karangan jenis perbincangan</li> <li>1.1.6 karangan jenis perbahasan</li> <li>1.1.7 karangan jenis ucapan/ syarahan/ ceramah</li> <li>1.1.8 karangan jenis laporan</li> <li>1.1.9 karangan jenis wawancara/ temu ramah</li> <li>1.1.10 karangan jenis pendapat/ ulasan</li> <li>1.1.11 karangan jenis rencana</li> <li>1.1.12 surat kiriman</li> </ul> <p>1.2 Dimensi karangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.2.1 individu</li> <li>1.2.2 keluarga/ sekolah</li> <li>1.2.3 masyarakat/ negara</li> <li>1.2.4 global</li> </ul> <p>* isu yang dibincang hendaklah berkaitan dengan isu semasa dan relevan dengan pengalaman serta pengetahuan calon</p>
2. Penterjemahan	<p>2.1 Tema</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>2.1.1 kekeluargaan</li> <li>2.1.2 sosial</li> <li>2.1.3 budaya</li> <li>2.1.4 ekonomi</li> <li>2.1.5 pendidikan</li> <li>2.1.6 kenegaraan</li> <li>2.1.7 alam sekitar</li> <li>2.1.8 bahasa dan sastera</li> <li>2.1.9 sains dan teknologi</li> <li>2.1.10 kesihatan</li> <li>2.1.11 sukan</li> </ul> <p>2.2 Sumber petikan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>2.2.1 akhbar</li> <li>2.2.2 majalah</li> <li>2.2.3 bacaan akademik</li> <li>2.2.4 kertas edaran</li> <li>2.2.5 hasil ciptaan sendiri</li> <li>2.2.6 pamflet</li> <li>2.2.7 resensi buku</li> </ul> <p>* isu yang dibincang hendaklah berkaitan dengan isu semasa dan relevan dengan pengalaman serta pengetahuan calon</p>

<b>Bahagian</b>	<b>Cakupan</b>
3. Rumusan	3.1 Jenis petikan <ul style="list-style-type: none"> <li>3.1.1 pendapat/ ulasan</li> <li>3.1.2 perbincangan</li> <li>3.1.3 fakta</li> </ul> 3.2 Tema petikan <ul style="list-style-type: none"> <li>3.2.1 kekeluargaan</li> <li>3.2.2 sosial</li> <li>3.2.3 budaya</li> <li>3.2.4 ekonomi</li> <li>3.2.5 pendidikan</li> <li>3.2.6 kenegaraan</li> <li>3.2.7 alam sekitar</li> <li>3.2.8 bahasa dan sastera</li> <li>3.2.9 sains dan teknologi</li> <li>3.2.10 kesihatan</li> <li>3.2.11 sukan</li> </ul> 3.3 Sumber petikan <ul style="list-style-type: none"> <li>3.3.1 akhbar tempatan</li> <li>3.3.2 majalah tempatan</li> <li>3.3.3 bacaan akademik</li> <li>3.3.4 pamflet</li> <li>3.3.5 resensi buku</li> <li>3.3.6 penulisan blog</li> <li>3.3.7 internet</li> </ul> <p>* isu yang dibincang hendaklah berkaitan dengan isu semasa dan relevan dengan pengalaman serta pengetahuan calon</p>
4. Kefahaman Petikan Bebas	4.1 Jenis petikan <ul style="list-style-type: none"> <li>3.1.1 pendapat/ ulasan</li> <li>3.1.2 perbincangan</li> <li>3.1.3 fakta</li> <li>3.1.4 laporan</li> <li>3.1.5 berita</li> <li>3.1.6 surat kiriman</li> <li>3.1.7 syarahan</li> <li>3.1.8 ucapan</li> <li>3.1.9 ceramah</li> <li>3.1.10 diari</li> <li>3.1.11 biografi/ autobiografi</li> </ul> 4.2 Tema petikan <ul style="list-style-type: none"> <li>4.2.1 kekeluargaan</li> <li>4.2.2 sosial</li> <li>4.2.3 budaya</li> <li>4.2.4 ekonomi</li> <li>4.2.5 pendidikan</li> <li>4.2.6 kenegaraan</li> <li>4.2.7 alam sekitar</li> <li>4.2.8 bahasa dan sastera</li> <li>4.2.9 sains dan teknologi</li> <li>4.2.10 kesihatan</li> <li>4.2.11 sukan</li> </ul>

Bahagian	Cakupan
	<p>4.3 Sumber petikan</p> <p>4.3.1 akhbar tempatan</p> <p>4.3.2 majalah tempatan</p> <p>4.3.3 bacaan akademik</p> <p>4.3.4 hasil ciptaan sendiri</p> <p>4.3.5 pamflet</p> <p>4.3.6 resensi buku</p> <p>4.3.7 penulisan blog</p> <p>4.3.8 internet</p> <p>4.3.9 kertas edaran</p> <p>* isu yang dibincang hendaklah berkaitan dengan isu semasa dan relevan dengan pengalaman serta pengetahuan calon</p>
<p>5. Kefahaman Prosa Tradisional/ Prosa Moden/ Puisi Tradisional/ Puisi Moden</p>	<p>5.1 Sumber petikan</p> <p>Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Sekolah Persendirian Cina</p> <p>* Petikan Prosa Tradisional/ Prosa Moden/ Puisi Tradisional/ Puisi Moden daripada antologi <i>Harga Remaja</i> dan antologi <i>Dirgahayu</i> Bahasaku yang dipilih dalam Buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Sekolah Persendirian Cina</p>
<p>6. Morfologi dan Sintaksis</p>	<p>6.1 Membina ayat</p> <p>6.1.1 Kata Nama</p> <p>6.1.2 Kata Kerja</p> <p>6.1.3 Kata Adjektif</p> <p>6.1.4 Kata Berimbuhan</p> <p>6.1.5 Kata Ganda</p> <p>6.1.6 Kata Majmuk</p> <p>6.1.7 Kata Banyak Makna</p> <p>6.1.8 Kata Hampir Sama Makna</p> <p>6.1.9 Kata Hampir Sama Bunyi</p> <p>6.1.10 Hukum D-M</p> <p>6.1.11 Simpulan Bahasa</p> <p>6.1.12 Penjodoh Bilangan</p> <p>6.1.13 Rangkai Kata</p> <p>6.2 Pelbagai Jenis Ayat</p> <p>6.2.1 Mengenal pasti Ayat</p> <p>6.2.1.1 Pola Ayat</p> <p>6.2.1.2 Jenis Ayat</p> <p>6.2.2 Menyambung Ayat</p> <p>6.2.3 Memisahkan Ayat</p> <p>6.2.4 Menukarkan Ayat</p> <p>6.2.4.1 Ayat Biasa dan Ayat Songsang</p> <p>6.2.4.2 Ayat Aktif dan Ayat Pasif</p> <p>6.2.4.3 Cakap Ajuk dan Cakap Pindah</p> <p>6.3 Analisis Ayat</p> <p>6.3.1 Menentukan Imbuhan</p> <p>6.3.2 Membaiki Kesalahan Imbuhan</p> <p>6.3.3 Membaiki Kesalahan Ayat</p>

**LAMPIRAN: FORMAT UNTUK SURAT KIRIMAN**  
**SURAT KIRIMAN RASMI**

**1. Pengenalan**

- (a) Format surat kiriman rasmi ini dibuat untuk tujuan peperiksaan.
- (b) **Guru-guru dinasihati supaya mematuhi format ini.** Walau bagaimanapun guru-guru boleh mendedahkan format yang lain untuk tujuan pengajaran.
- (c) Contoh surat kiriman rasmi ini boleh dirujuk pada Lampiran A.
- (d) Setiap baris dalam surat kiriman rasmi hendaklah bermula dari tepi bahagian lipatan di sebelah kiri surat.

**2. Ciri-ciri yang perlu ada dalam format surat kiriman rasmi**

**( i ) Alamat pengirim**

— ditulis di tepi iaitu pada bahagian lipatan di sudut atas sebelah kiri surat.

**( ii ) Garisan panjang melintang**

— satu garisan melintang dibuat selepas alamat pengirim. Atas dan bawah garisan melintang diselang satu baris.

**( iii ) Nama dan alamat penerima**

— ditulis di bawah garisan melintang iaitu di sudut sebelah kiri surat dan sejajar dengan alamat pengirim.

— baris akhir alamat penerima hendaklah digarisi. Kemudian selang satu baris di antara alamat penerima dan perkataan menghadapkan surat.

**( iv ) Tarikh**

— ditulis di sudut sebelah kanan surat iaitu selepas garisan melintang dan sebaris dengan baris terakhir alamat penerima. Nama bulan hendaklah ditulis dengan huruf besar sepenuhnya dan diakhiri tanda noktah(.).

**( v ) Perkataan menghadapkan surat**

— perkataan seperti ‘Tuan’, ‘Puan’, ‘Datuk’, ‘Tan Sri’, ‘Yang Berbahagia’ dan lain-lain hendaklah digunakan.

— ditulis di sudut sebelah kiri surat pada bahagian lipatan di bawah alamat penerima selepas diselang satu baris, iaitu sejajar dengan alamat pengirim dan penerima surat.

(vi) **Tajuk surat / Perkara**

- ditulis pada bahagian lipatan sejajar dengan alamat pengirim, nama dan alamat penerima serta perkataan menghadapkan surat.
- ditulis selepas perkataan menghadapkan surat dan diselang satu baris.
- setiap awal kata ditulis dengan huruf besar kecuali kata sandang, kata hubung dan kata sendi.
- tajuk/perkara yang lengkap mestilah digarisi (tanpa tanda noktah).
- selangkan satu baris sebelum memulakan perenggan pertama.

(vii) **Pemerenggan**

- perenggan pertama (pendahuluan) dan perenggan akhir (penutup) tidak perlu dinomborkan dan dimulakan dari tepi sebelah kiri surat iaitu pada bahagian lipatan.
- perenggan kedua dan seterusnya hendaklah bernombor. Nombor-nombor itu hendaklah ditulis di tepi iaitu pada bahagian lipatan surat. Tanda noktah hendaklah dibubuh selepas setiap nombor. Permulaan ayat hendaklah ditulis ke dalam sedikit dari nombor.
- jarak di antara satu perenggan dengan perenggan yang lain hendaklah diselang satu baris.

(viii) **Pecahan bagi perenggan**

Perenggan yang mempunyai pecahan hendaklah menggunakan huruf abjad (a), (b), (c), (d), dan sebagainya untuk mewakilinya.

(ix) **Pengakuan dan tandatangan pengirim**

- sebelum menurunkan tandatangan, hendaklah membuat pengakuan seperti ‘Yang benar’, ‘Yang bertugas’ atau seumpamanya.
- huruf pertama pada perkataan pertama rangkai kata ini mestilah ditulis dengan huruf besar.
- rangkai kata ini hendaklah ditulis di tepi pada bahagian lipatan di sudut kiri bahagian bawah surat selepas melangkau dua hingga tiga baris.
- tanda koma hendaklah dibubuh di akhir rangkai kata berkenaan.
- tandatangan hendaklah diturunkan di bawah rangkai kata berkenaan.
- nama penuh pengirim hendaklah ditulis di dalam kurungan dengan huruf besar di bawah tandatangan pengirim.
- jika mempunyai jawatan tertentu hendaklah disertakan di bawah namanya.

(x) **Nombor telefon**

Tidak diperlukan dalam peperiksaan tetapi untuk pengetahuan, nombor telefon harus ditulis di sudut sebelah kanan surat iaitu sebelum garisan melintang dan sebaris dengan baris akhir alamat pengirim.

(xi) **Nombor rujukan**

- (1) Rujukan Tuan
- (2) Rujukan Kami

Kedua-dua nombor rujukan ini tidak diperlukan dalam peperiksaan tetapi untuk pengetahuan, nombor rujukan harus ditulis di sudut sebelah kanan surat selepas garisan melintang dan sebelum tarikh.

## Lampiran A

(i) Alamat Pengirim	132, Jalan Tanping 8, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.	Tel: 03-39832790	(x) Nombor telefon
(ii) Garisan panjang melintang	<hr/>		
(iii) Nama dan alamat penerima	Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang, Jalan Semenyih, 43000 Kajang, <u>Selangor.</u>	20 JANUARI 2019	(xi) Nombor rujukan (iv) Tarikh
(v) Perkataan menghadapkan surat	Tuan,		
(vi) Tajuk surat/ perkara	<b><u>Aduan tentang Pembakaran Sampah Sarap Secara Terbuka</u></b>		
(vii) Pemerenggan (isi)	<p>Berhubung dengan perkara di atas, saya sebagai seorang penduduk Bandar Baru Bangi yang prihatin, ingin menyuarakan rasa tidak puas hati saya terhadap sikap beberapa orang penduduk di tempat saya yang sering membakar sampah sarap secara terbuka.</p> <p>2. Segelintir penduduk yang tidak bertanggungjawab ini membakar sampah sarap secara terbuka di halaman rumah mereka sehingga asap tebal berkepul-kepul di udara dan perlakuan yang melampau ini berlanjutan hingga kini.</p> <p>3. Wujud juga senario di mana sikap mereka yang mencerminkan ketandusan nilai cinta terhadap alam sekeliling dalam sanubari mereka menjadi semakin keterlaluan apabila mereka dengan berani melonggokkan sampah sarap dan membakarnya di tepi jalan yang berhampiran dengan rumah mereka. Aktiviti ini secara tidak langsung menyebabkan semak-samun di tepi jalan terbakar dan asap tebal juga mengganggu penglihatan pemandu kereta dan pembonceng motosikal. Ini kemungkinan besar akan menyebabkan kemalangan jalan raya.</p> <p>4. Asap tebal hasil pembakaran sampah sarap secara terbuka ini turut menyebabkan kesihatan penduduk terjejas. Saya sendiri turut menjadi mangsa penyakit mata merah dan sakit kerongkong. Ada juga jiran yang lebih menderita akibat menghadapi penyakit asma, batuk-batuk dan sesak nafas. Selain itu, banyak haiwan peliharaan kami turut mati akibat terhidu asap berlebihan.</p> <p>5. Oleh itu, saya mencadangkan agar pihak tuan menghantar pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) membuat rondaan,</li><li>(b) melakukan pemeriksaan secara kejut,</li><li>(c) mengenakan saman terhadap penduduk yang membakar sampah sarap secara terbuka.</li></ul> <p>Akhir sekali, saya berharap agar pihak tuan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membanteras kegiatan pembakaran sampah sarap ini. Segala tindakan yang diambil oleh tuan amatlah dihargai.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>		
(viii) Pecahan bagi perenggan			
(ix) Pengakuan dan tandatangan pengirim	Yang benar, <b><i>Tan Ping Siong</i></b> (TAN PING SIONG) Wakil Penduduk, Bandar Baru Bangi.		



## SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI

### 1. Pengenalan

- (a) Format surat kiriman tidak rasmi ini dibuat untuk tujuan peperiksaan.
- (b) **Guru-guru dinasihati supaya mematuhi format ini.**
- (c) Contoh surat kiriman tidak rasmi ini boleh dirujuk pada Lampiran B.

### 2. Ciri-ciri yang perlu terkandung dalam format surat kiriman tidak rasmi

#### ( i ) **Alamat pengirim**

— ditulis di sudut atas sebelah kanan surat.

#### ( ii ) **Tarikh**

— ditulis di bawah alamat pengirim dan diakhiri dengan tanda noktah. Nama bulan tidak perlu ditulis dengan huruf besar sepenuhnya.

#### ( iii ) **Pembuka kata**

— ditulis ke dalam sedikit selepas selang satu atau dua baris.

#### ( iv ) **Perkataan menghadapkan surat**

— ditulis di tepi sudut sebelah kiri surat iaitu pada bahagian lipatan.

#### ( v ) **Pemerenggan**

— semua perenggan hendaklah ditulis ke dalam sedikit daripada bahagian lipatan.

— jarak di antara satu perenggan dengan satu perenggan yang lain hendaklah diselang satu baris.

#### ( vi ) **Tandatangan pengirim**

— sebelum menurunkan tandatangan, hendaklah ditulis 'Yang ikhlas' atau seumpamanya.

— huruf pertama pada perkataan pertama rangkai kata ini mestilah ditulis dengan huruf besar.

— rangkai kata ini hendaklah ditulis di sudut kanan bahagian bawah surat selepas melangkau dua hingga tiga baris setelah menulis penutup surat.

— tanda koma hendaklah dibubuh selepas rangkai kata berkenaan.

— hanya tandatangan sahaja yang diperlukan di bahagian bawah rangkai kata berkenaan.

## Lampiran B

(i) Alamat pengirim

2105, Jalan 2/10,  
Taman Angsana,  
52100 Kuala Lumpur.

(ii) Tarikh

20 Jun 2019

(iii) Pembuka kata

Menemui sahabatku Christina yang berada di Keningau, Sabah. Semoga saudara sekeluarga sentiasa sihat walafiat.

(iv) Perkataan  
menghadapkan  
surat

Saudari,

(v) Pemerenggan  
(isi)

Apa khabar sekarang? Saya sekeluarga di sini sihat-sihat saja. Dalam lembaran yang lepas, dinyatakan bahawa saudara ingin mengumpul maklumat berkenaan peranan wanita pada abad ke-21 ini untuk membuat persediaan pertandingan forum. Oleh itu, saya akan membincangkan pelbagai peranan yang dimainkan oleh kaum wanita pada masa kini secara terperinci dalam surat ini. Moga-moga maklumat ini sedikit sebanyak bermanfaat kepada saudara.

Sesungguhnya, sejak langsir abad ke-21 dilabuhkan, rakyat yang celik ilmu di negara kita telah semakin meningkat, terutamanya bilangan kaum wanita. Kaum wanita kini sudah melepaskan diri mereka daripada genggam fikir kolot dan tradisi yang ketinggalan. Kini, lingkungan pengaruh mereka bukan sahaja terserlah dalam keluarga, malahan kebanyakan daripada mereka kini mendominasi pelbagai arena pembangunan negara, yakni bidang sosial, ekonomi dan tidak kurang juga dalam lapangan politik.

Seseorang wanita dalam keluarganya memainkan peranan perdana sebagai pengelola bagi segala urusan yang berlaku dalam keluarganya. Mereka berusaha mewujudkan sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia dan nescaya ini menjadi prasyarat yang paling asas dalam pembentukan generasi pelapis yang berwawasan. Di samping itu, kita dapat lihat bahawa kebanyakan golongan wanita menunjukkan komitmen yang tinggi dalam pelbagai aktiviti sosial dan amal di negara kita. Contoh yang paling ketara tidak lain tidak bukan, isteri Perdana Menteri kita, Doktor Siti Hasmah acap kali membawa rombongan melawat rumah-rumah kebajikan. Hal ini jelas membuktikan bahawa wanita menyumbangkan jasa yang bermakna terhadap pembentukan masyarakat penyayang.

Dalam pada itu, ketika Perhimpunan Agung Pertubuhan UMNO yang diadakan baru-baru ini, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Doktor Mahathir Mohamad sendiri telah mengaku jasa dan sumbangan golongan wanita dalam arena politik. Beliau juga menyatakan bahawa kaum wanita dan kaum lelaki adalah umpama aur dengan tebing. Tanpa usaha wanita yang sanggup berjalan dari rumah ke rumah, kejayaan sesebuah parti politik itu adalah tidak terjamin. Perdana Menteri sendiri juga akur dengan keprihatinan golongan wanita ketika melaksanakan urusan negara. Jelasnya, kita dapat membuat satu kepastian bahawa kaum wanita juga memegang peranan yang amat penting dalam pembangunan negara.

Setakat ini sahaja maklumat yang dapat saya sumbangkan. Harap saudara akan berjaya dalam pertandingan forum. Terimalah salam saya sekeluarga untuk saudara sekeluarga di sana.

Sekian, terima kasih.

(vi) Tandatangan  
pengirim

Yang mengingatiimu,

*Joanne Foo*